



KAJIAN MENYELURUH KETAGIHAN INTERNET DALAM KALANGAN PELAJAR PUSAT PENGAJIAN TINGGI AWAM DI MALAYSIA

COMPREHENSIVE STUDY OF INTERNET ADDICTION AMONG PUBLIC HIGHER EDUCATION CENTER STUDENTS IN MALAYSIA

Mohammad Rusdi Ab Majid¹, Zul Aizam Yassin², Aznida Aziz³, Nurhijrah Zakaria⁴

- ¹ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: mrusdi@ipgm.edu.my
- ² Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: zulaizam@ipgm.edu.my
- ³ Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: dr.aznida@ipgm.edu.my
- ⁴ Jabatan Sains Sosia, Institut Pendidikan Guru Kampus Dato' Razali Ismail, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.
Email: nurhijrah@ipgm.edu.my
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 25.08.2021
Revised date: 16.09.2021
Accepted date: 27.09.2021
Published date: 30.09.2021

To cite this document:

Ab Majid, M. R., Yassin, Z. A., Aziz, A., & Zakaria, N. (2021). Kajian Menyeluruh Ketagihan Internet Dalam Kalangan Pelajar Pusat Pengajian Tinggi Awam Di Malaysia. *Journal of Information System and Technology Management*, 6 (22), 212-223.

Abstrak:

Ketagihan internet dalam kalangan pelajar merupakan isu penting yang dibincangkan di seluruh dunia. Hampir keseluruhan pakar menyatakan isu ini sebagai antara masalah utama yang dihadapi. Tujuan utama kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji ketagihan internet dalam kalangan pelajar di institusi pengajian tinggi awam di Malaysia. Fokus utama kajian adalah mengkaji ketagihan dari aspek keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet dalam kalangan pelajar IPG di Malaysia. Kajian juga mengkaji ketagihan dari aspek hilang kawalan dan gangguan kehidupan seharian terhadap internet dalam kalangan pelajar IPG di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif sebagai reka bentuk utama. Kajian berbentuk tinjauan ini melibatkan responden yang terdiri daripada 614 orang guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di seluruh Malaysia. Institut Pendidikan Guru yang terlibat pula dibahagikan mengikut zon IPG di seluruh Malaysia. 5 zon utama telah dikenal pasti iaitu zon tengah, utara, selatan, timur dan barat. Pendekatan berbentuk statistik deskriptif digunakan untuk mendapatkan tahap ketagihan internet dalam kalangan pelajar IPGM. Instrumen kajian yang digunakan diadaptasi daripada soal selidik "An Internet Addiction Scale oleh Kimberly"

DOI: 10.35631/JISTM.622017

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

yang telah dimodifikasi supaya bertepatan dengan kajian yang dijalankan. Analisis dijalankan dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS) Vol. 21 (SPSS)* dan dianalisis secara deskriptif bagi menjelaskan dapatan kajian. Dapatan kajian ini secara keseluruhannya mendapati ketagihan internet dalam kalangan pelajar di IPG berada pada tahap sederhana. Kajian ini diharapkan dapat memberi input yang baik kepada semua pihak bagi merangka tindakan untuk kesejahteraan masyarakat dengan membentuk generasi baharu yang prihatin terhadap pemilihan dan penggunaan sumber maklumat di internet secara berkesan.

Kata Kunci:

Ketagihan Internet, Keasyikan Emosi Dan Kognitif, Hilang Kawalan Dan Gangguan Kehidupan

Abstract:

Internet addiction among teenagers is an important issue discussed around the world. Almost all experts cite this issue as part of the main problems of the country. The main purpose of this study was to study internet addiction among students in public institutions of higher learning in Malaysia. The main focus of the study is to examine the addiction from the aspects of emotional and cognitive preoccupation with the internet among IPG students in Malaysia. The study also examined addiction from the aspect of loss of control and disruption of daily life to the internet among IPG students in Malaysia. This study uses quantitative methods as the main design. This survey study involved respondents consisting of 614 trainee teachers selected according to IPG zones throughout Malaysia. A descriptive statistical approach was used to obtain the level of internet addiction. The questionnaire instrument was adapted from An Internet Addiction Scale by Kimberly (1998) which was modified to coincide with the study conducted. The analysis was conducted using Statistical Package for Social Science (SPSS) Vol. 21 (SPSS) and analyzed descriptively to explain the findings of the study. The findings of this study as a whole found that internet addiction among students at IPG is at a moderate level. It is hoped that this study can provide good input to all parties to formulate actions for the well-being of society by forming a new generation that is concerned about the selection and use of information resources on the internet effectively.

Keywords:

Internet Addiction, Emotional And Cognitive Preoccupation, Loss Of Control And Disruption Of Daily Life

Pengenalan

Perkembangan kemajuan teknologi maklumat tanpa sempadan telah memberikan kesan positif dan negatif kepada semua golongan dan lapisan masyarakat. Kesan tersebut jelas dapat diperhatikan dalam hampir semua bidang kehidupan. Antara bidang yang terkesan hasil daripada ledakan teknologi maklumat ini ialah sistem pendidikan secara khususnya (Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng, 2019; Sundus M., 2018:). Perkembangan yang berlaku ini perlu diberi perhatian yang sewajarnya bagi memastikan proses pembelajaran pelajar dapat berjalan dengan sempurna terutamanya dalam pembentukan nilai kehidupan. Amat malang sekiranya jati diri remaja tidak dapat dibangunkan akibat dari kurangnya keperihatinan pihak tertentu dalam merangka langkah-langkah pencegahan bagi mengelakkan mereka terlibat dengan masalah dan budaya yang negatif. Semua pihak yang terlibat perlu memberi fokus terhadap

kemungkinan kesan negatif yang muncul daripada perkembangan teknologi dan maklumat ini. Penekanan lebih hendaklah diberikan terhadap penerapan nilai-nilai moral dalam pendidikan untuk mengelakkan munculnya lebih banyak penyalahgunaan internet dalam kalangan remaja (Norazly Nordin, Juppri Bacotang, 2021; Nair, 2018; Sundus, 2018; Siti Syafawati Iliyas, Nurul Farhana Jumaat, 2020).

Penyataan Masalah

Ketagihan internet di kalangan remaja merupakan isu penting yang dibincangkan di seluruh dunia. Hampir keseluruhan pakar menyatakan isu ini sebagai sebahagian daripada masalah utama negara yang dihadapi. Golongan remaja dan pelajar pula merupakan golongan utama yang terlibat dalam isu ini (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020). Perkara ini berlaku kerana penggunaan dan capaian internet di Malaysia semakin meluas sehinggakan terdapat beberapa pihak yang mengalami ketagihan yang agak membimbangkan terutama golongan remaja dan dewasa. Rentetan dari ketagihan internet yang melampau ini menyebabkan Malaysia berhadapan dengan jenayah dan fitnah siber yang kini menjadi isu besar dalam kalangan remaja. Menurut statistik insiden kesalahan keselamatan siber terhadap maklumat palsu yang dikeluarkan oleh MyCERT, CyberSecurity Malaysia (2019), menunjukkan berlaku peningkatan lebih sekali ganda di antara tahun 2016 hingga 2019.

Berdasarkan statistik Majlis Teknologi Maklumat Kebangsaan (NITC), satu kajian yang dijalankan pada tahun 2010 menunjukkan jumlah pengguna internet di Malaysia adalah sebanyak 16.9 juta orang, iaitu 61.2% daripada jumlah keseluruhan rakyat yang pada ketika itu seramai 27.6 juta orang (Raof, 2010; Khairi, 2010). Kajian yang sama juga telah dijalankan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan mendapati jumlah tersebut meningkat dengan ketara pada tahun 2020 dengan 88.7% penggunaan internet dalam kalangan rakyat Malaysia (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020). Kajian ini juga mendapati sebanyak 11.5% rakyat Malaysia menghabiskan masa di atas talian berbanding 8.1% unjuran tersebut pada tahun 2018.

Perkara yang menakutkan dalam kajian ini adalah peningkatan peratusan penggunaan internet dalam kalangan kanak-kanak dan remaja berusia 5 hingga 17 tahun yang mencatatkan peningkatan sebanyak 155%. Pada tahun 2016 peratusan penggunaan adalah sebanyak 18.4% manakala pada tahun 2020 peratusan tersebut adalah sebanyak 47%. Kajian ini juga mendapati hanya 4.7% sahaja kanak-kanak dan remaja yang tidak menggunakan internet. Perkara ini sangat membimbangkan dan perlu diambil tindakan sewajarnya oleh pihak yang terlibat. Lebih mencemaskan lagi apabila kesedaran kawalan ibubapa (parental control) berkurang daripada 62.4% pada tahun 2018 kepada 53.3% pada tahun 2020. Antara faktor utama penggunaan adalah telefon pintar yang membolehkan internet di akses di mana-mana tempat (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2020).

Selain itu juga, berdasarkan kajian yang telah dilakukan pada tahun 2009 oleh Saffron Hill yang mewakili pihak Symantec dalam 'Norton Online Living Report (NOLR) di Malaysia', mereka dapati bahawa remaja menghabiskan masa untuk melayari Internet selama 64 jam sebulan berbanding orang dewasa selama 48 jam sebulan. Jumlah ini mencatatkan lebih gunaanya sebanyak 6 jam daripada masa purata NOLR di peringkat global berdasarkan kajian ke atas 12 negara utama dunia dan ia juga 4 jam lebih banyak daripada ibu bapa mereka. Menurut statistik yang diperolehi melalui Suruhanjaya Multimedia dan Komunikasi Malaysia (2010), kekerapan

penggunaan internet di rumah yang melebihi 15 jam adalah 29.6%. Angka ini perlu dikaji untuk menilai sama ada wujud masalah ketagihan internet dan kesan-kesan yang lain.

Pembangunan remaja dalam memperkasakan akhlak dan jati diri semakin ditinggalkan dengan kebangkitan pelbagai bentuk jenayah pada masa kini. Pengetahuan dan didikan agama yang tidak sempurna juga memberi ruang kepada remaja untuk terjebak dalam gejala sosial yang tidak sihat dan merosakkan akhlak dan minda mereka. Kajian-kajian terdahulu telah banyak menyentuh tentang masalah penglibatan dan ketagihan internet bagi remaja (Faridah & Zurina, 2015), walaubagaimanapun setakat ini belum ada lagi kajian yang dijalankan kepada siswa IPG terhadap kemelut ini. Oleh itu, kajian mengenai isu ketagihan internet ini perlu diberi perhatian dan dikaji dengan terperinci agar semua lapisan masyarakat dapat mengetahui secara mendalam tentang ketagihan internet dan permasalahan yang timbul di sebalik kecanggihan dan perkembangan pesat teknologi masa kini.

Objektif Kajian

Berikut adalah objektif kajian yang telah ditetapkan:

1. Mengetahui ketagihan dari aspek keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet dalam kalangan pelajar IPG di Malaysia.
2. Mengetahui ketagihan dari aspek hilang kawalan dan gangguan kehidupan seharian terhadap internet dalam kalangan pelajar IPG di Malaysia.

Soalan Kajian

Berikut adalah soalan kajian yang telah ditetapkan:

1. Apakah ketagihan dari aspek keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet dalam kalangan pelajar IPG di Malaysia?
2. Apakah ketagihan dari aspek hilang kawalan dan gangguan kehidupan seharian terhadap internet dalam kalangan pelajar IPG di Malaysia?

Kajian Literatur

Komunikasi dan interaksi sosial tidak lagi terbatas kepada komunikasi berasaskan teks, tetapi menjadi lebih menyeronokkan dan realistik dengan kemajuan teknologi realiti maya dan teknologi animasi sehingga digunakan untuk membentuk dunia maya. Kini, semakin ramai yang memasuki dunia ini sehingga membentuk jaringan sosial dalam talian. Kanak-kanak merupakan pengguna utama dengan 37 peratus melawat dunia ini secara tetap (Siti Ezaleila, 2014).

Penggunaan internet semakin meluas sehinggakan ada beberapa pihak yang mengalami ketagihan yang agak membimbangkan terutama remaja sekolah (Johari & Raja Shahrina, 2012). Kajian tersebut bertujuan bagi mengenalpasti tahap dan punca ketagihan penggunaan internet dalam kalangan remaja sekolah tingkatan empat di bandaraya Johor Bahru. Kajian tersebut juga berjaya mengenalpasti tujuan sebenar dan jenis penggunaan internet yang kerap diakses oleh remaja sekolah. Secara keseluruhannya, tahap ketagihan penggunaan internet bagi pelajar adalah rendah. Namun begitu terdapat perbezaan signifikan tahap ketagihan

penggunaan internet antara lelaki dan perempuan, begitu juga dengan jenis sekolah mengikut jantina. Terdapat korelasi positif antara tahap sosioekonomi ibu bapa dengan tahap ketagihan penggunaan internet dalam kalangan pelajar. Kajian tersebut juga menrekodkan bahawa laman web yang kerap diakses oleh pelajar adalah laman web rangkaian sosial.

Kajian terhadap penggunaan internet yang mudah, tanpa batas dan tidak terhad oleh had masa telah dilakukan oleh Chao, Yu dan Cheng (2013). Kajian mereka mendapati bahawa kemudahan ini juga boleh menyebabkan ketagihan internet, terutamanya untuk remaja yang melakukan hampir semua perkara di internet, seperti bermain permainan dalam talian, mencari maklumat, mencari kawan, dan berhubung dengan rakan serta keluarga. Instrumen yang digunakan oleh pengkaji untuk mengukur kehidupan siber individu pelajar sekolah menengah ialah permainan dalam talian, persahabatan siber, pengetahuan, kehidupan keluarga dan hubungan rakan sebaya yang digunakan untuk menubuhkan skala kehidupan siber.

Kajian Noor Hazwany (2015) pula mengetengahkan tentang persepsi masyarakat terhadap masalah siber yang menunjukkan kebimbangan mereka mengenai ketagihan remaja sekolah kepada fantasi siber melalui permainan komputer atau 'computer games' yang terdapat di kafe siber yang dikunjungi. Hakikatnya pada hari ini, semakin ramai anak muda menjadi penagih kepada fantasi siber. Masalah ini yang perlu ditangani oleh sekolah, ibu bapa dan pihak-pihak yang berkenaan.

Kajian Farnicka (2017) berkaitan kesan aktiviti siber terhadap individu sebagai faktor risiko dalam perkembangan manusia dan beberapa perubahan psikologi dalam minda manusia yang disebabkan oleh aktiviti siber misalnya akibat sosio-psikologi dan kognitifemosi. Analisis dilaksanakan dengan mengambil kira keadaan psikologi tertentu iaitu marah, pengalaman sendiri dan motif untuk melakukan keganasan siber serta pembunuhan siber oleh golongan remaja. Kesimpulannya, kajian ini menyumbang kepada program perlindungan kesihatan mental mengenai psikologi perkembangan manusia.

Kajian oleh Nur Faridatul Jamalia, Husaina Banu dan Muhammad Faizal pada tahun 2018 mengenai keperluan undang-undang siber yang dibina untuk menghalang pengguna menggunakan sumber ini secara tidak beretika. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pelaksanaan undang-undang siber di sekolah dalam kalangan pelajar sekolah menengah di Daerah Kerian. Objektif kajian iaitu pelaksanaan undang-undang siber di sekolah, kesedaran pelajar, etika mengenai undang-undang siber dan pemantauan pelaksanaan undang-undang siber serta cabaran dan peningkatan yang dapat dilaksanakan dalam pelaksanaan undang-undang siber di sekolah. Hasilnya menunjukkan bahawa pelaksanaan undang-undang siber di sekolah menengah di daerah Kerian berada pada tahap tinggi. Responden juga bersetuju bahawa penggunaan sumber internet mempunyai banyak kelebihan dan boleh memberi kesan positif kepada hasil pembelajaran tetapi harus sentiasa dipantau untuk mencegah kes jenayah siber. Berdasarkan kajian-kajian yang telah dijalankan didapati bahawa penggunaan sumber internet ini dapat memberi kesan yang positif dan negatif dalam kalangan pelajar.

Metodologi

Reka bentuk kajian ini adalah mengguna pakai kaedah kuantitatif secara tinjauan. Reka bentuk kuantitatif dipilih adalah berdasarkan pandangan Creswell (2003), yang menyatakan pendekatan kuantitatif amat sesuai digunakan dalam kajian yang melibatkan responden yang sangat ramai disamping data dan maklumat yang diperoleh adalah lebih tepat.

Populasi kajian ini melibatkan semua pelajar IPGM yang berjumlah seramai 24243 orang. Manakala responden kajian pula melibatkan seramai 614 orang pelajar yang meliputi semua IPG di seluruh Malaysia. Lokasi IPG dibahagikan mengikut zon. Sebanyak 5 zon telah dikenal pasti iaitu zon utara, selatan, timur, barat dan tengah. Setiap zon akan diwakili oleh sebuah IPG yang dipilih secara rawak. Kaedah kutipan data secara rawak mudah telah dipilih sesuai dengan bentuk kajian yang dijalankan. Instrumen soal selidik pula diadaptasi daripada *An Internet Addiction Scale* oleh Kimberly (1998) yang telah dimodifikasi supaya bertepatan dengan kajian.

Setelah melalui proses pembinaan instrumen dengan melepasi proses kesahan, kebolehpercayaan dan juga proses analisis faktor maka satu instrumen yang mantap telah berjaya dihasilkan oleh kumpulan penyelidik. Selepas berjaya menghasilkan soal selidik yang baik dan memenuhi syarat yang diperlukan maka ianya akan diagihkan kepada responden kajian di seluruh Malaysia.

Dapatan Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ketagihan internet dalam kalangan pelajar di Institut Pendidikan Guru Malaysia berada pada tahap sederhana (Min = 2.69, SP = 0.65). Dalam kajian ini terdapat 2 pemboleh ubah yang menjadi fokus utama kajian iaitu keasyikan emosi dan kognitif dengan internet dan hilang kawal dan gangguan terhadap kehidupan seharian. Ketagihan dari aspek keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet berada pada tahap sederhana (Min = 2.58, SP = 0.74) manakala dari aspek hilang kawalan dan gangguan terhadap kehidupan seharian juga berada pada tahap sederhana (Min = 2.83, SP = 0.64).

Interpretasi skor min bagi setiap item di dalam bahagian-bahagian elemen tersebut adalah berpandukan skor min di Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 – 1.50	Normal
1.60 – 2.45	Rendah
2.50 – 3.95	Sederhana
4.00 – 5.00	Tinggi

Ketagihan Dari Aspek Keasyikan Emosi Dan Kognitif Terhadap Internet

Soal selidik dalam bahagian ini mengandungi 11 item yang berkaitan dengan keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet. Min keseluruhan semua item bagi keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet ialah dengan nilai min 2.58 dengan sisihan piawai 0.74 berada pada tahap interpretasi min sederhana (2.50 – 3.95). Dapatan ini menjelaskan tahap keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet pelajar IPGM berada pada tahap sederhana. Dapatan ini menggambarkan tentang gangguan emosi dan kognitif dalam kalangan pelajar IPGM berada dalam keadaan yang terkawal. Walaubagaimanapun dapatan ini juga menjelaskan tahap ketagihan tersebut agak merisaukan kerana berada pada tahap sederhana.

Dapatan menunjukkan, 5 daripada 11 item berada pada tahap rendah (1.60 – 2.45) dengan nilai min antara 2.03 hingga 2.45. Dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar IPGM kurang terkesan dengan keasyikan emosi dan kognitif terhadap internet. Manakala terdapat 6 item yang berada pada tahap sederhana (2.50 – 3.95) dengan nilai min antara 2.66 – 3.39. Item yang paling tinggi nilai minnya ialah (Min = 3.39, SD = 1.13) iaitu pada tahap sederhana ialah kemampuan merancang untuk melayari internet kembali selepas keluar daripadanya. Dapatan ini menjelaskan pelajar IPGM kurang kemampuan untuk merancang untuk kembali berada dalam talian selepas keluar daripadanya. Dapatan keseluruhan bahagian ini dapat diperhatikan seperti jadual di bawah.

Jadual 2: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Keasyikan Emosi dan Kognitif Dengan Internet

Pernyataan	Kekerapan					Min	S.P	Tahap
	TP	KK	K	S	S			
Berapa kerapkah anda lebih gembira apabila melayari Internet berbanding hubungan dengan ahli keluarga	93	230	199	79	13	2.49	0.96	S
Berapa kerapkah anda menjalin hubungan baru dengan sesama pengguna dalam talian	126	246	132	84	26	2.41	1.09	R
Berapa kerapkah anda menyekat pemikiran yang mengganggu kehidupan anda dengan pemikiran di Internet yang dianggap lebih menenangkan	106	191	169	100	48	2.66	1.17	S
Berapa kerapkah anda menjangkakan bila anda akan online (melayari internet) lagi	31	7	15	29	18	3.39	1.13	S
Berapa kerapkah anda takut bahawa kehidupan tanpa Internet akan membosankan, kosong dan tidak mengembirakan	86	190	138	118	82	2.87	1.26	S
Berapa kerap anda menjerit, berteriak atau bertindak jengkel jika seseorang mengganggu anda semasa anda dalam talian	250	191	101	48	24	2.03	1.11	R
Berapa kerapkah anda kehilangan masa tidur kerana berada dalam talian	58	179	166	128	83	3.00	1.19	S
	147	195	158	79	35			

Berapa kerapkah anda merasa sibuk dengan Internet ketika berada di luar talian atau berkhayal untuk berada dalam talian	23.9%	31.8%	25.7%	12.9%	5.7%	2.45	1.15	R
Berapa kerapkah anda cuba menyembunyikan berapa lama anda berada dalam talian	131	196	152	83	52			
	21.3%	31.9%	24.8%	13.5%	8.5%	2.56	1.21	S
Berapa kerapkah anda memilih untuk meluangkan lebih banyak masa dalam talian daripada keluar dengan orang lain	138	225	124	91	36			
	22.5%	36.6%	20.2%	14.8%	5.9%	2.45	1.16	R
Berapa kerapkah anda merasa tertekan, murung atau gementar ketika anda berada di luar talian (masa yang hilang) setelah anda kembali dalam talian	245	187	110	49	23			
	39.9%	30.5%	17.9%	8.0%	3.7%	2.05	1.11	R
Min Keseluruhan						Min=2.58, SP=0.74		R

TP (Tidak Pernah,) KK(Kadang-Kadang, K(Kerap), S(Selalu), S(Sentiasa), S(Sederhana), R(Rendah)

Dalam kajian ini terdapat 6 item yang berada pada tahap sederhana. Item sederhana yang paling tinggi nilai minnya adalah “berapa kerapkah anda menjangkakan bila anda akan online (melayari internet lagi)” (Min = 3.39, SP = 1.13). Item seterusnya ialah ‘Berapa kerapkah anda kehilangan masa tidur kerana berada dalam talian’ (Min = 3.00, SP = 1.19). Dapatan ini menjelaskan tentang tahap kawalan emosi dan kognitif pelajar IPGM dalam mengawal keasyikan internet. Kegagalan mengawal waktu berada dalam talian seperti kembali berada dalam talian dan juga kekerapan gagal mengawal tidur disebabkan internet adalah antara keasyikan emosi dan kognitif yang berada pada tahap sederhana. Manakala item yang paling rendah nilai minnya adalah “Berapa kerap anda menjerit, berteriak atau bertindak jengkel jika seseorang mengganggu anda semasa anda dalam talian”(Min = 2.03, SP = 1.11). Dapatan ini menjelaskan tabiat luar jangka seperti berteriak apabila diganggu semasa berada dalam talian palingsedikit dialami oleh pelajar IPGM. Dapatan lain dapat diperhatikan seperti di dalam rajah di atas.

Satu aspek yang penting dalam dapatan kajian ini ialah, pelajar IPGM masih mampu mengawal emosi mereka daripada keasyikan yang melampau terhadap internet terutamanya dari aspek emosi dan kognitif. Walau bagaimanapun dapatan ini juga merisaukan kerana tahap sederhana tersebut agak membimbangkan.

Secara keseluruhannya, hasil dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar IPGM di Malaysia berada pada tahap sederhana dari aspek keasyikan emosi dan kognitif dengan internet.

Hilang Kawalan dan Gangguan Terhadap Kehidupan Sehari-hari

Soal selidik dalam bahagian ini mengandungi 9 item yang berkaitan dengan hilang kawal dan gangguan terhadap kehidupan sehari-hari. Min keseluruhan semua item bagi hilang kawalan ialah dengan nilai min 2.83 dengan sisihan piawai 0.64 berada pada tahap interpretasi min sederhana (2.50 – 3.95). Dapatan ini menjelaskan tahap hilang kawal kepada kehidupan sehari-hari pelajar

IPGM berada pada tahap sederhana. Keadaan ini menjelaskan bahawa pelajar IPGM masih mampu mengawal kehidupan seharian mereka daripada terus terpengaruh dengan internet.

Jadual 3: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai Dan Interpretasi Hilang Kawalan Dan Gangguan Terhadap Kehidupan Seharian.

Pernyataan	Kekerapan					Min	S.P	Tahap
	TP	KK	K	S	S			
Berapa kerapkah anda berada dalam talian lebih lama daripada yang anda mahukan	2 3%	34 5.5%	128 20.8%	231 37.6%	219 35.7%	4.03	0.90	T
Berapa kerapkah anda mengabaikan tugas sebagai pelajar untuk menghabiskan lebih banyak masa dalam talian	65 10.6%	218 35.5%	206 33.6%	87 14.2%	38 6.2%	2.70	1.04	S
Berapa kerapkah orang lain dalam hidup anda memaklumkan kepada anda mengenai jumlah masa yang anda habiskan dalam talian	50 24.4%	229 37.3%	140 22.8%	71 11.6%	24 3.9%	2.33	1.08	R
Berapa kerapkah gred kerja kursus dan peperiksaan anda menurun kerana jumlah masa yang anda habiskan dalam talian	202 32.9%	262 42.7%	107 17.4%	30 4.9%	13 2.1%	2.01	0.94	R
Berapa kerap anda memeriksa e-mel anda sebelum perkara lain yang perlu anda lakukan	66 10.7%	193 31.4%	158 25.7%	123 20.0%	74 12.1%	2.91	1.19	S
Berapa kerap prestasi kerja atau produktiviti anda menurun kerana Internet	123 20.0%	224 36.5%	147 23.9%	81 13.2%	39 6.4%	2.49	1.14	S
Berapa kerapkah anda menjadi defensif atau berahsia apabila ada yang bertanya apa yang anda lakukan dalam talian	51 8.3%	157 25.6%	132 21.5%	160 26.1%	114 18.6%	3.21	1.24	S
Berapa kerapkah anda mengatakan "beberapa minit lagi" semasa dalam talian	98 10.7%	193 31.4%	158 25.7%	123 20.0%	74 12.1%	2.53	1.06	S
Berapa kerap anda cuba mengurangkan jumlah masa yang anda habiskan dalam talian tetapi gagal	34 5.5%	149 24.3%	170 27.7%	150 24.4%	91 18.1%	3.25	1.17	S
Min Keseluruhan	Min=2.83, SP=0.64							S

TP(Tidak Pernah,) KK(Kadang-Kadang, K(Kerap), S(Selalu), S(Sentiasa), S(Sederhana), R(Rendah)

Dapatan kajian ini mendapati terdapat 6 item berada pada tahap sederhana (2.50 – 3.95), 2 item pula pada tahap rendah (1.60 – 2.45) manakala terdapat 1 item yang berada pada tahap tinggi. Item yang berada pada tahap tinggi ialah “Berapa kerapkah anda berada dalam talian lebih lama daripada yang anda mahukan” (Min = 4.03, SP = 0.90). Dapatan ini menjelaskan pelajar IPGM berada pada tahap tinggi dalam mengawal masa mereka berada dalam talian. Ini menggambarkan ketidakbolehan mereka mengawal masa mereka ketika dalam talian sehingga terlepas daripada perancangan yang sepatutnya.

Manakala 6 item yang berada pada tahap sederhana pula ialah item “Berapa kerap anda cuba mengurangkan jumlah masa yang anda habiskan dalam talian tetapi gagal” (Min = 3.25, SP = 1.17), item “Berapa kerapkah anda menjadi defensif atau berahsia apabila ada yang bertanya apa yang anda lakukan dalam talian” (Min = 3.21, SP = 1.24), item “Berapa kerap anda memeriksa e-mel anda sebelum perkara lain yang perlu anda lakukan” (Min = 2.91, SP = 1.19) dan item “Berapa kerapkah anda mengabaikan tugas sebagai pelajar untuk menghabiskan lebih banyak masa dalam talian” (Min = 2.70, SP = 1.04).

Dapatan ini menjelaskan tentang hilang kawal dan gangguan terhadap kehidupan seharian. Secara keseluruhannya kajian mendapati tahap gangguan adalah berada pada tahap sederhana. Kajian juga mendapati terdapat 2 item yang paling rendah nilai minnya adalah “Berapa kerapkah gred kerja kursus dan peperiksaan anda menurun kerana jumlah masa yang anda habiskan dalam talian” (Min = 2.01, SP = 1.08). Dapatan item ini menunjukkan bahawa kehidupan sebagai seorang pelajar terutamanya dalam proses pembelajaran tidak dipengaruhi oleh internet. Dapatan lain dapat diperhatikan seperti di dalam rajah di atas.

Satu aspek yang penting dalam dapatan kajian ini ialah, pelajar IPGM masih mampu mengawal kehidupan mereka daripada gangguan internet. Kehadiran internet mampu dikawal dan diuruskan oleh mereka dengan baik tanpa mengganggu kehidupan mereka seharian. Secara keseluruhannya, hasil dapatan ini menjelaskan bahawa pelajar IPGM di Malaysia masih mampu mengawal kehidupan mereka seharian daripada pengaruh internet.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, penggunaan internet dalam pendidikan dilihat semakin meluas di kebanyakan negara pada hari ini. Situasi ini dilihat semakin berkembang dari masa ke semasa. Dunia pendidikan tidak ketinggalan dalam menghadapi situasi ini terutamanya dalam pelaksanaan proses PdP. Keadaan ini merupakan suatu cabaran besar yang perlu ditangani dengan betul oleh semua pihak terutamanya golongan pelajar yang terpaksa mengubah corak pembelajaran dari cara bersemuka kepada cara dalam talian. Perubahan inilah yang telah mengakibatkan kesan yang besar kepada pelajar khususnya kesan ketagihan internet. Di samping itu, fenomena ini juga turut disumbangkan dengan tuntutan semasa. Sebagai contohnya dengan adanya revolusi industri yang menuntut perubahan dalam pendidikan dan juga Pandemik Covid 19 yang mengubah landskap pendidikan dengan begitu drastik sekali. Oleh kerana itu diharapkan kajian ini mampu memberi manfaat kepada semua pihak yang berkepentingan dalam melihat perkara ini secara holistik demi kebaikan semua pihak. Maka dengan itu, mahu tidak mahu kita sememangnya harus menerima kenyataan ini dan kita harus berubah. Pengintegrasian dan penggunaan internet dalam pendidikan memerlukan kepada usaha ke arah kelestarian dan penambahbaikan dari semasa ke semasa.

Rujukan

- Abdul Karim dan Stain Kudus. (2016). Dakwah Melalui Media: Sebuah Tantangan Dan Peluang, At-Tabsyir: *Jurnal Komunikasi Penyiaran Islam*, Vol. 4.
- Aznan Omar. (2017). Permainan Mudah Alih dan Kanak-kanak. *Ideology*, 2(1) :137-149, 2017
- Blanchard, A. & Henle, C. (2008). Correlates of different forms of cyberloafing: the role of norms and external locus of control. *Computers in Human Behaviours*, 24(3), 1067-1084.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2013). Research methods in education. Routledge.
- Cooper, A., Delmonico, D. & Burg, R. (2000). Cybersex users, abusers and compulsives: <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.=2009>
- Creswell, J. W. (2003). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches. 2nd ed. Thousand Oaks, CA: Sage
- Cyber Security Malaysia. (2019). MyCERT Incident Statistics. Diambil Januari, 2020, daripada <https://www.mycert.org.my/statistics/2018.php>
- Faridah Saleh dan Zurina Ahmad Saidi.(2015).13 Faktor Dan Peranan Institusi Keluarga Dalam Mencegah Salahlaku Dan Devian Dalam Kalangan Remaja Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education, November 5-7, 2015 147
- Ghazali Darusalam dan Sufean Husin (2016). Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan : Amalan dan Analisis Kajian. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Jabatan Perangkaan Malaysia (2019). <https://www.dosm.gov.my/v1/>
- Johari Hassan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid.(2012).Ketagihan Penggunaan Internet Di Kalangan Remaja Sekolah Tingkatan 4 Di Bandaraya Johor Bahru, *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, Volume 6 June 2012, Pages 23-43 / ISSN: 2231- 7376
- Kimberly, Y. (1998). Instrument Internet Addiction. <http://www.Globaladdiction.org/dldocs/GLOBALADDICTION-ScalesInternetAddictionTest.pdf>
- Malecki, E. J. (2003). Digital development in rural areas: potentials and pitfalls. *Journal of Rural Studies*, 19(2), 201-214.
- Mohd Azis Ngah (2010). Risiko Internet. Berita Harian Online, sumber dari : <http://www.rahsiasiber.com/berita-siber/risikointernet.html>
- Mohd. Amirul Akhbar Mohd. Zulkifli. (2011). Ancaman blog di Malaysia. Pemikir, 64, 89-104. New findings and implications. *Sexual Addiction and Compulsivity*, 9, 43-67.
- Nair, A. (2018, September 19). Parents, beware – this is how gadgets are harming your little child! <https://parenting.firstcry.com/articles/parents-beware-this-is-how-gadgets-are-harming-your-little-child>
- Noradilah Aziz & Lai Wei Sieng. 2019. Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 22(1): 69-75.
- Norazly Nordin, Juppri Bacotang, 2021. Isu Dan Trend Penggunaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, Vol.10 (1), 2021 (99-107)
- Nur Faridatul Jamaliala Radzali, Banu Husaina Kenayathulla dan Muhammad Faizal A. Ghani. (2018). Analisis Implementasi Undang undang Siber di beberapa buah sekolah menengah Kerian. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5,64-77
- Siti Syafawati Iliyas, & Nurul Farhana Jumaat. (2020). Pembelajaran menerusi aplikasi mudah alih dan kesannya terhadap pembelajaran huruf hijaiyah murid pra sekolah. *Innovative Teaching and Learning Journal*, 3(2), 30-41.

- Siti Ezaleila Mustafa (2014), Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 30 (Special Issue) 2014: 243-258 Penghijrahan Dari Dunia Realiti Ke Dunia Maya: Tinjauan Umum Terhadap Dunia Maya Sosial Terpilih Universiti Malaya
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2005). Household use of the Internet Survey2005.http://www.skmm.gov.my/link_file/facts
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2020). Household use of the Internet Survey2020.http://www.skmm.gov.my/link_file/facts
- Sundus M. (2018). The impact of using gadgets on children. *Journal of Depression and Anxiety*, 7(1), 1-3.